

10 SEP 1997

KLIA-ujian

UJIAN PERTAMA KE ATAS LANDASAN KLIA AKAN DITERUSKAN WALAUPUN JEREBU

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Ujian pertama ke atas landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menggunakan pesawat Boeing 747 yang dijadualkan Isnin ini dijangka diteruskan walaupun dengan keadaan jerebu sekarang.

Bagaimanapun keputusan akhir mengenai pendaratan percubaan itu akan ditentukan pada hari berkenaan bergantung kepada situasi kerana soal keselamatan akan diberi keutamaan.

Penyelaras Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB) bagi pendaratan ujian itu, Haji Hamrin Buang berkata demikian ketika dihubungi Bernama hari ini mengenai kemungkinan penjadualan ujian itu dibatalkan berikutan keadaan jerebu sekarang.

Beliau yakin keadaan berjerebu tidak akan menghalang atau memberi masalah kepada ujian itu.

Pendaratan pesawat Boeing 747 itu ialah kemuncak kepada pembukaan percubaan lapangan terbang yang berharga RM9 bilion yang dijangka memulakan operasi komersialnya pada suku pertama tahun depan, katanya.

Ujian asas KLIA telag ditetapkan pada 15 Sept ini manakala ujian lanjutan pada 15 Dis.

Ujian asas itu akan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan para menteri Kabinet yang juga akan menyaksikan kemajuan kerja-kerja yang sedang dijalankan di lapangan terbang itu.

Hamrin said KLIAB sedang berkerjasama dengan Malaysia Airport Berhad, Penerbangan Malaysia (MAS), Jabatan Penerbangan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca mengenai pendaratan ujian pertama.

Mengenai sama ada pendaratan ujian akan dilakukan lagi setiap hari selepas itu, beliau berkata ia akan dilakukan mengikut keperluan. --

BERNAMA

RHM WAT